





## SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Y. Bhg. Dato\* Seri Talaat bin Hj. Husain  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna

KETUA SIDANG PENGARANG

Isamil bin Jantan

TIMBALAN

KETUA SIDANG PENGARANG  
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

SIDANG PENGARANG

Masri bin Misran  
Azendi bin Mohd Zawawi  
Nazleen bte Mohd Emran  
Noor Jamal bin Ali  
Indrani Thuraisingham  
Siti Rahayu bte Zakaria

DICETAK OLEH

Syarikat Asas Jaya

Buletin Pengguna merupakan penerbitan usahasama di antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Sumbangan artikel amat dituajukan. Sila hantarkan sumbangan kepada:

EDITOR,

Buletin Pengguna  
No 1D-1, Bangunan SKPPK  
Jalan SS9A/17  
47300 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

Bahagian Hal Ehwal Pengguna  
Kementerian Perdagangan Dalam  
Negeri dan Hal Ehwal Pengguna  
Aras 4, Lot 2G3, Presint 2  
Pusat Pentadbiran  
Kerajaan Persekutuan  
62623 Putrajaya

EMEL

buletinpengguna@hotmail.com

LAMAN WEB KPDN & HEP

www.kpdnhep.gov.my

LAMAN WEB FOMCA

www.fomca.org.my

E-ADUAN

http://e-aduan.kpdnhep.gov.my

SMS E-ADUAN

36663

HOT LINE KEMENTERIAN

1-800-886-800

Artikel yang disiarkan dalam Buletin Pengguna ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

SETIAP KALI tiba musim perayaan, para pengguna mengeluh harga barangan keperluan naik mendadak. Lantaran itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menetapkan Skim Kawalan Barangan Musim Perayaan bagi memastikan harga barangan keperluan harian berada pada harga yang stabil.


Biarpun begitu, masih terdapat peniaga yang gagal mematuhi peraturan tersebut. Terdapat peniaga yang gagal mempamerkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan yang disenaraikan sebagai barangan kawalan. Mengapa keadaan ini berlaku?

Memang ada yang menyatakan masalah ini disebabkan oleh faktor penguatkuasa yang tidak cekap menjalankan tugas pemantauan. Memang faktor ini berkemungkinan ada kebenarannya, tetapi dengan tenaga kerja seramai lebih kurang 1,600 orang, penguatkuasa kementerian tidak mampu memantau semua pasar basah, pasar raya, pasar mini, kedai runcit dan sebagainya.

Oleh itu peranan pengguna sendiri amat penting sekali bagi membantu usaha-usaha pemantauan ini. Merekalah yang sering terlibat dalam urusan membeli barangan keperluan harian dan lebih mengetahui keadaan sebenar di pasaran. Jika sekiranya mereka mendapati ada peniaga yang tidak mematuhi peraturan ini, laksanakan tanggungjawab mereka sebagai pengguna dengan membuat aduan atau laporan kepada penguatkuasa kementerian. Kerajaan telah menyediakan pelbagai saluran bagi memudahkan pengguna membuat aduan, sama ada dalam bentuk talian hotline, surat, khidmat pesanan ringkas (SMS), e-mel, laman web dan sebagainya. Walaupun kemudahan-kemudahan ini disediakan, tetapi jika tidak ada yang mahu menggunakannya, maka membazir sahaja wang yang diperuntukkan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut.

Sebagai langkah proaktif, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga telah menubuhkan kumpulan sukarelawan yang dikenali sebagai Rakan Pengguna. Ia telah dilancarkan pada 27 Julai 2006, bersempena dengan Hari Pengguna Malaysia 2006. Rakan Pengguna akan bertindak sebagai mata dan telinga bagi pihak kementerian untuk memantau sebarang bentuk penyelewengan yang berlaku, tidak hanya berkaitan harga barangan sahaja.

Para pengguna perlu menyahut usaha ini dengan menjadi ahli Rakan Pengguna. Layari laman web: [www.rakanpengguna.com.my](http://www.rakanpengguna.com.my) atau berkunjung ke khemah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam kembara mereka bersama-sama *JomHeboh*.





## PENGGUNA LESTARI

# GRADUAN MENGGANGGUR BERANI HADAPI CABARAN

- ✓ Graduan boleh mencari peluang memulakan perniagaan sendiri jika gagal mendapatkan pekerjaan dengan majikan.
- ✓ Graduan perlu berani menghadapi cabaran dan risiko dalam hidup dengan menceburi bidang perniagaan.
- ✓ Perlu rajin melayari laman web berkaitan bantuan memulakan perniagaan terutama yang disediakan kerajaan supaya dapat mengumpul maklumat secukupnya.
- ✓ Rajin bertanya dengan menghubungi agensi kerajaan yang menawarkan program dan bantuan dalam bidang perniagaan.
- ✓ Berfikiran terbuka dan tidak hanya perlu berfikir perlu bekerja dengan majikan. Graduan juga boleh menjadi majikan kepada diri sendiri.
- ✓ Menyertai seminar dan bengkel berkaitan program bantuan perniagaan yang diperkenalkan supaya lebih banyak pengetahuan diperolehi.
- ✓ Tidak patah semangat jika gagal mendapat kerja seperti rakan lain tetapi terus berfikiran positif kerana rezeki ada di mana-mana, yang penting perlu berusaha mendapatkannya



## SENDA PENGGUNA





# Bajet 2007

## Tingkatkan Kemampuan Kualiti Hidup



## Ringkasan Bajet

- Peruntukan Bajet RM159.4 bilion pada 2007 iaitu RM112.9 bilion peruntukan mengurus dan RM46.5 bilion untuk peruntukan pembangunan.
- Cukai korporat dikurangkan secara berperingkat sebanyak dua peratus kepada 27 peratus pada 2007 dan 26 peratus pada 2008.
- Tempoh layak menuntut galakan cukai bagi pemilikan komputer diberikan bagi setiap tiga tahun; manakala galakannya dalam bentuk rebat cukai sebanyak RM3,000.
- Cukai pelepasan bagi pembelian buku dinaikkan kepada RM1,000 setahun.
- Bantuan kos sara hidup diperluaskan kepada kakitangan awam yang mendiami kuarters kerajaan mulai 1 September 2006, dengan kadar 50 peratus daripada kadar yang diberikan kepada mereka yang tidak mendiami kuarters.
- Kelayakan pinjaman perumahan kakitangan awam dinaikkan sebanyak 20 peratus.
- Pemberian biasiswa untuk melanjutkan pelajaran kepada ke peringkat ijazah kepada pelajar yang memperoleh 10 A1 dalam SPM daripada keluarga berpendapatan RM1,500 ke bawah.
- Biasiswa kepada pelajar cemerlang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang yang diperlukan seperti sains, farmasi, perubatan, kejuruteraan di peringkat ijazah dan lepasan ijazah di universiti tempatan dan universiti terkemuka luar negara.
- Yuran peperiksaan bagi UPSR, PMR, SPM dan STPM di semua sekolah kerajaan dimansuhkan mulai sesi pendidikan 2007.
- Kadar bantuan murid sekolah rendah dinaikkan kepada RM50 sebulan. Biasiswa kecil persekutuan bagi murid sekolah menengah dinaikkan kepada RM70 sebulan.
- Tiga universiti baru akan dibina Universiti Darul Iman Malaysia (Terengganu), Universiti Darul Naim (Kelantan), dan Akademi Tentera Malaysia dinaik taraf menjadi Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
- Cukai rokok dinaikkan kepada 12 sen bagi setiap batang.
- Cukai minuman keras yang mengandungi lebih 40 peratus kandungan alkohol dinaikkan sebanyak RM5 seliter.
- Bayaran subsidi RM50 bagi setiap ujian mammogram di klinik dan hospital yang diiktiraf.
- Geran tahunan untuk NGO melaksanakan program komuniti, keluarga dan wanita dinaikkan kepada RM30 juta.
- Elaun kepada kanak-kanak OKU dinaikkan RM50 sebulan yang membabitkan hampir 9,000 orang.
- Peruntukan Tabung Makanan ditambah sebanyak RM300 juta menjadikan jumlah keseluruhannya RM1.9 bilion.
- Skim Kredit Pertanian Bukan Makanan diwujudkan dengan peruntukan awal RM20 juta.
- Peruntukan RM210 juta bagi pembangunan sektor bioteknologi.
- Perbadanan Kemajuan Industri Halal ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi memajukan industri halal.
- Pelepasan cukai individu ke atas yuran pengajian sehingga had maksimum RM5,000 setahun diperluaskan kepada pengajian dalam bidang kewangan Islam di institusi pengajian tinggi.
- Peruntukan RM1 bilion bagi pembinaan sekolah-sekolah dan RM90 juta untuk dua Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).
- Peruntukan RM101 juta bagi membina rumah-rumah guru dan RM782 juta bagi program latihan semula guru.
- RM288 juta bagi program Pembestarian Sekolah.
- Jumlah geran pelancaran "one-off" kepada kementerian bagi mewujudkan pusat jagaan kanak-kanak diperluaskan ke semua jabatan kerajaan dan jumlah geran itu



# Objektif Bajet 2007

**1**

Meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai lebih tinggi

**2**

Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama'

**3**

Menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif

**4**

Meningkatkan tahap dan kemampanan kualiti hidup

**5**

Menguukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan

ditambah kepada RM80,000.

- Subsidi RM50 bagi setiap ujian saringan mengesan kanser diberi kepada klinik dan hospital swasta yang berdaftar dengan LPPKN (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara).
- RM721 juta diperuntukan bagi melaksanakan pelbagai program belia dan sukan termasuk pembinaan kompleks sukan komuniti.
- Tiga hospital baru dibina di Shah Alam (Selangor), Pendang (Kedah) dan Permai (Johor) dengan peruntukan RM125 juta.
- Bank Pembangunan Malaysia menubuhkan Dana Biodiesel berjumlah RM500 juta bagi memajukan industri biodiesel.
- Potongan cukai kepada sektor swasta yang menaja persembahan dan pertunjukan kesenian, kebudayaan dan warisan dinaikan kepada RM500,000 daripada RM300,000.
- Peruntukan RM3.4 bilion bagi pembangunan luar bandar melibatkan pelaksanaan projek pembinaan jalan luar bandar dan jalan kampung, projek bekalan air dan kemudahan bekalan elektrik.
- 30,000 unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat, 34,000 unit rumah mampu milik, 2,000 unit rumah di bawah Projek Pemulihan Rumah Terbangkai dan 2,500 unit rumah di bawah Program Rumah Mesra Rakyat akan dibina.
- Peruntukan RM2.2 bilion bagi pembinaan kemudahan perumahan rakyat dan kuarters untuk kakitangan Polis, Tentera, Kastam dan Jabatan Bomba dan Penyelamat serta kakitangan awam yang lain.
- Syarikat Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) ditubuhkan bagi membangunkan sumber air serta meningkatkan perkhidmatan bekalan air.
- Pengecualian cukai ke atas pemberian tunai atau barangan seperti anugerah khas daripada majikan syarikat swasta kepada kakitangannya, yang tidak

melebihi RM1,000.

- Syarikat Prasarana Negara Berhad melaksanakan program menambah kapasiti bas dan rel bandar serta infrastruktur lain di Lembah Klang melibatkan pelaburan RM10 bilion bagi tempoh 2006-2010.
- Dua terminal pengangkutan bersepadu bagi bas dan rel dibina di Bandar Tasik Selatan dan Gombak secara Inisiatif Pembiayaan Persendirian (PFI).
- Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam ditubuhkan sebagai tabung pusingan di bawah SME Bank dengan peruntukan permulaan RM200 juta bagi tahun 2007.
- Bayaran khas sekali sahaja sebanyak RM200 hingga RM400 kepada 542,000 pesara dan penerima pensyen.



**Pilih Bijak**

- ✓ beli barangan berkualiti
- ✓ buat perbandingan harga
- ✓ pilih perkhidmatan terbaik
- ✓ buat pilihan yang tepat



INTERNET telah menjadikan dunia tanpa sempadan. Setelah internet diperkenalkan pelbagai aktiviti dapat dilakukan secara maya. Begitu juga maklumat dapat diakses dengan mudah.

Selain itu, internet juga memudahkan transaksi dilaksanakan tanpa melibatkan wang tunai. Dengan menggunakan kad kredit atau pelbagai instrumen kewangan yang diwujudkan bagi membolehkan urus niaga dijalankan.

Biarapun internet memudahkan urusan, namun pengguna perlu berhati-hati apabila berurusan melalui internet kerana ia juga telah digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menipu pengguna dengan pelbagai skim, khususnya berunsurkan pelaburan kewangan.

Terdapat beberapa skim seumpama ini yang boleh didapati melalui internet. Di antaranya yang hangat diperkatakan ialah *Swiss Cash* atau *Swiss Mutual Fund* yang dikatakan berpangkalan di luar negara.

Ramai pengguna didakwa telah melabur dalam skim ini yang mendakwa mampu menawarkan pulangan sehingga 300 peratus. Skim ini telah beroperasi mulai pertengahan tahun 2005

Skim ini menawarkan empat pelan pelaburan, iaitu:

### Swiss Investment Plan

Skim ini menawarkan pengeluaran dividen setiap bulan dengan pulangan sehingga 300% dalam tempoh 15 bulan berdasarkan formula berikut:

Bulan 1 hingga ke 3	-	10% setiap bulan
Bulan 4 hingga ke 6	-	15% setiap bulan
Bulan 7 hingga ke 9	-	20% setiap bulan
Bulan 10 hingga ke 12	-	25% setiap bulan
Bulan 13 hingga ke 15	-	30% setiap bulan

Pelabur boleh melabur dalam pelan ini dengan kadar minimum USD100 (RM370).

### Swiss Affiliate Plan

Skim menawarkan komisen sebanyak 10% jika membuat jualan, iaitu dengan menaja seorang ahli baru yang diletakkan di bawah pelabur yang telah menyertai skim ini. Komisen 10% itu dikira berdasarkan nilai pelaburan ahli baru tersebut.

Pelabur yang ingin menyertai skim ini perlu melabur lebih daripada USD1,000 (RM3,700).

### Swiss Revenue Plan

Dengan pelaburan sebanyak lebih daripada USD1,000, skim ini menawarkan dividen sebanyak 10% bagi setiap dividen bulanan yang diterima oleh ahli yang terletak di bawah beliau selama ahli itu melabur.

### Swiss Financial Plan

Pelan ini menawarkan pulangan sebanyak 10% bagi setiap jualan sebanyak USD10,000 bagi kumpulan yang terletak di sebelah kiri dan kanan peserta pelan ini. Peserta dikatakan akan menerima dividen ini dalam tempoh 3 bulan ke atas apabila beliau telah mempunyai ramai penajaan. Pelan ini juga boleh disertai bagi pelaburan melebihi USD1,000.

## Fakta Mengelirukan Tentang Skim


### SWISS CASH

- Skim ini didakwa dilancarkan pada tahun 1948, tetapi laman webnya didaftarkan pada pertengahan tahun 2005
- Kedutaan Switzerland menafikan skim ini berdaftar di negara tersebut.
- Skim dikatakan berpangkalan di Republic Dominican, tetapi tidak mempunyai akaun di negara tersebut.
- Dikatakan 90% daripada pelabur skim ini daripada Malaysia dan sebahagian kecil daripada Indonesia, Brunei, Singapura dan China. Laman webnya pula pula memberikan lebih tumpuan kepada pelabur Malaysia.
- Domain laman web ini didaftarkan di Malaysia bagi tempoh selama satu tahun sahaja.
- Pemilik laman web *SwissCash* pernah menggunakan e-mel host 202.189.48.230 yang disediakan oleh syarikat Malaysia. Host tersebut dikongsikan dengan empat laman web yang lain, di antaranya emobile2u.net. Pendaftar laman web emobile2u.net pernah dikaitkan dengan skim cepat kaya melalui internet, empiiredreams.com.
- Suruhanjaya Sekuriti dan Bank Negara memaklumkan skim pelaburan *Swiss Mutual Fund* tidak berdaftar di Malaysia.
- Suruhanjaya Sekuriti dan Futures Hong Kong mengatakan laman web *SwissCash* sebagai laman web palsu.



## Skim binari

Skim pelaburan ini mengamalkan kaedah skim binari apabila ia memerlukan seseorang pelabur menaja ahli baru sekiranya ingin menyertai *Swiss Affiliate Plan*, *Swiss Revenue Plan* dan *Swiss Financial Plan*. Contoh penajaannya seperti berikut:



## KAEDAH MENYERTAI SKIM INI

### LANGKAH PERTAMA:

- Skim ini hanya boleh disertai secara jemputan sahaja. Peserta baru perlu mempunyai *SwissCash Financial Planner Trading Code* sebelum menyertai skim ini. Kod ini boleh diperolehi daripada peserta yang menaja peserta baru ini.
- Peserta baru akan menerima notis melalui e-mel dan khidmat pesanan ringkas (SMS) yang disertakan dengan ID Trading dan kata laluan.
- Peserta perlu aktifkan akaun dalam tempoh 14 hari.

### LANGKAH KEDUA:

- Peserta perlu memasukkan wang dalam akaun *SwissCash*nya. *SwissCash* menggunakan epoint sebagai e-currency. 1 epoint bersamaan USD1. Bayaran dibuat menggunakan kaedah telegraphic transfer (TT). Selain itu, skim ini juga menyediakan pilihan bayaran lain iaitu *Egold Exchange Services* dan *Cash Exchange Services*.
- Peserta akan dimaklumkan tentang wang yang telah dipindahkan melalui e-mel dan SMS.

### LANGKAH KETIGA:

- Peserta perlu masuk dalam akaun e-bankingnya untuk mengaktifkan akaunnya dengan memasukkan nombor ID Trading dan kata laluan.

### LANGKAH KEEMPAT:

- Untuk memulakan pelaburan, peserta perlu masuk ke dalam akaun e-bankingnya dan klik butang *invest*. Kemudian semak jadual pembayarannya beliau. Setelah melalui proses tersebut, peserta tersebut kini menjadi seorang pelabur dalam *SwissCash*.

### LANGKAH KELIMA:

- Pelabur masuk ke dalam akaun e-bankingnya dan seterusnya ke ruangan *Swiss Banking Facility*. Klik butang *External Money Transfer*. Isikan maklumat yang diperlukan dan nombor kod swift. Kod ini diperolehi daripada bank tempatan di mana akaun pelabur itu berada.
- Pelabur akan menerima keuntungannya dalam tempoh 5 hari bekerja.

## PANDUAN SEBELUM MELABUR MELALUI INTERNET

### Periksa lesen

Jika mengetahui identiti orang yang memberi maklumat pelaburan dalam talian, dapatkan pengesahan/semak dengan Suruhanjaya Sekuriti untuk memastikan sama ada individu atau syarikat tersebut mempunyai lesen untuk memberikan nasihat pelaburan. Memberi nasihat pelaburan kepada umum, walaupun di Internet, memerlukan lesen daripada Suruhanjaya Sekuriti. Tanpa lesen, perbuatan itu melanggar Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

### Dapatkan fakta

Jangan sekali-kali membuat keputusan pelaburan semata-mata berdasarkan nasihat pelabur yang tidak diminta/dikehendaki yang dipaparkan di Internet. Sentiasa semak dengan pemberi maklumat yang mempunyai kredibiliti, misalnya di tapak web Bursa Malaysia ([www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com)) atau laporan tahunan, prospektus dan akhbar.

### Buat penilaian bebas

Periksa maklumat yang diperolehi daripada ruang sembang, papan buletin dalam talian dan tapak web dengan membuat penilaian sendiri terhadap peluang pelaburan. Rujuk kepada penasihat pelaburan berlesen atau remisier sekiranya tidak pasti bagaimana hendak melakukannya sendiri.

### Jangan ambil peduli

Jika menerima nasihat atau panduan pelaburan yang tidak dikehendaki di Internet yang tidak dapat diperiksa kesahihannya dan tidak tahu siapa pemberi maklumat tersebut, abaikan sahaja maklumat tersebut. Jika timbul keraguan walaupun sedikit, keputusan pelaburan terbaik ialah, jangan pedulikan maklumat tersebut.



**RUANGAN** PUSAT KHIDMAT ADUAN PENGGUNA NASIONAL*Menjual Barang***SAMPEL**

ADUAN telah diterima oleh NCCC berkaitan dengan barangan yang telah dilabelkan sebagai "barang sampel", yang dijual kepada pengguna di sebuah pasar raya besar.

Pengadu telah pergi ke sebuah pasar raya besar untuk membeli lampin pakai buang untuk anak beliau. Pasar raya tersebut telah menjual lampin pakai buang berjenama pada harga 99 sen sekeping.

Setelah membeli 10 keping lampin pakai buang itu, beliau mendapati bahawa terdapat tanda "sampel" pada bungkusan pek lampin tersebut. Pada pengamatan beliau, lampin pakai buang itu telah pun dijual kepada orang ramai beberapa ketika dahulu kerana hanya tinggal beberapa pek sahaja lagi.


Memandangkan lampin pakai buang itu adalah barang yang dikhususkan sebagai "sampel", maka beliau merasakan ia tidak sewajarnya dijual kepada pengguna. Oleh itu beliau telah menghubungi NCCC untuk mendedahkan tindakan pasar raya itu agar perkara tersebut tidak berulang lagi.

**TINDAKAN NCCC**

NCCC telah menulis surat secara rasmi kepada pasar raya tersebut dan menyuarakan rasa kesal di atas tindakan pasar raya itu menjual barangan "sampel" kepada pengguna. NCCC juga meminta pasar raya itu menghentikan dengan segera tindakan menjual barangan sampel itu. Pihak pengurusan pasar raya telah membalas surat NCCC dengan menyatakan terima kasih kerana mengutarakan perkara tersebut. Mereka berjanji akan mengambil tindakan yang sewajarnya agar barang-barang "sampel" tidak bercampur dengan barang-barang untuk dijual kepada pengguna.

**NASIHAT NCCC**

Penjualan barangan yang telah dilabelkan sebagai "sampel" adalah tidak beretika. Para pengguna harus prihatin tentang barang-barang yang dibeli oleh mereka agar tidak tertipu oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab. Sekiranya mereka mendapati terdapat peniaga yang menjual barang "sampel", sewajarnya mereka membawa perkara tersebut ke pengetahuan pihak pengurusan agar perbuatan itu dapat dihentikan dengan segera. Selain itu, mereka juga perlu membuat aduan kepada Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna supaya tindakan susulan boleh diambil.



No. 1D, Bangunan SKPPK,  
Jalan SS9A/17, 47300 Petaling Jaya, Selangor  
Tel: 03-7877 9000 Faks: 03-7874 8097  
Emel: [nccc@nccc.org.my](mailto:nccc@nccc.org.my)  
Laman Web: [www.nccc.org.my](http://www.nccc.org.my)

**ADIL • PROFESIONAL • BERKESAN**



# STANDARD

## MEMPERKASA TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT bukan perkara asing dalam kalangan masyarakat Malaysia. Ia berkaitan dengan pelbagai pihak daripada sektor perindustrian yang berkaitan dengan proses pengilangan sehingga kepada sektor perkhidmatan dan juga kerajaan. Tanggungjawab sosial korporat harus dititikberatkan dalam lapan elemen iaitu :

- |   |                              |   |   |
|---|------------------------------|---|---|
| 1 | <b>Tanggungjawab</b>         | 5 | <b>Ekonomi</b>                                  |
| 2 | <b>Tadbir Urus Yang Baik</b> | 6 | <b>Kesihatan &amp; Keselamatan</b>              |
| 3 | <b>Ketatasusilaan</b>        | 7 | <b>Sosial</b>                                   |
| 4 | <b>Alam Sekitar</b>          | 8 | <b>Produk Yang Berkualiti, Baik dan Selamat</b> |

Evolusi Tanggungjawab sosial korporat bermula dalam tiga peringkat iaitu bermula dari Persidangan Stockholm 1972, Persidangan Rio 1992, Persidangan Johannesburg 2002 dan akhirnya wujudlah ISO 26000. Ketiga-tiga persidangan tersebut membincangkan tentang pembangunan lestari bagi memastikan air dan sanitasi, tenaga, kesihatan, pertanian dan biodiversiti mencukupi bagi menampung keperluan generasi akan datang.

Tanggungjawab sosial korporat ini penting juga kerana pengguna atau masyarakat kini mengambil berat tentang:

- Bukan hanya kerajaan sahaja yang harus mempunyai tanggungjawab terhadap masyarakat tetapi sektor korporat yang besar seperti Microsoft ataupun Tenaga Nasional di Malaysia juga harus mempunyai tanggungjawab sosial kerana mereka merupakan entiti yang besar.
- Mereka juga sedar akan hak pekerja dan mempunyai harapan yang tinggi terhadap harga barangan/perkhidmatan, kualiti dan kemudahan/keselesaan yang disediakan.

ISO (*International Organisation for Standardisation*) melihat kepentingan bagi membangunkan standard antarabangsa untuk tanggungjawab sosial korporat.


Badan antarabangsa ini berpendapat standard ini penting untuk keperluan generasi akan datang dalam membantu mewujudkan **dunia yang lestari**.

Standard ini dikenali sebagai *ISO 26000 Guidance on Social Responsibility*. Standard antarabangsa ini hanya:

- Sebagai panduan yang berkaitan dengan pengenalan, operasi dan mempertingkatkan kebolehpercayaan dalam melaksanakan tanggungjawab sosial
- Bagi meningkatkan keyakinan dan kepuasan pengguna, kerajaan, industri, pekerja, badan bukan kerajaan dan sektor perkhidmatan
- Bagi menekankan keputusan pelaksanaan
- Bukan standard sistem pengurusan
- Tidak berniat untuk persijilan pihak ketiga

Di Malaysia, satu jawatankuasa telah ditubuhkan selaras dengan kehendak badan antarabangsa ISO. Ia dikenali sebagai *Mirror Committee* dan mempunyai enam kumpulan yang dikenali sebagai Kumpulan Teknikal. Enam kumpulan ini mempunyai peranan yang berbeza yang terdiri dari pembiayaan, komunikasi, prosedur operasi, skop, kandungan dan prinsip, panduan subjek/isu teras tanggungjawab sosial dan panduan untuk organisasi dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial.

Bagi membangunkan standard ini, ia akan mengambil masa. Ketika ini ahli jawatankuasa sedang membuat draf bagi standard ini dan dijangkakan akan diterbitkan pada 2008.





## KEWANGAN

# STRATEGI PERANCANGAN PELABURAN SAHAM AMANAH

PERANCANGAN pelaburan merupakan satu tindakan melabur secara terancang dan bijak, di mana dengan nilai pelaburan yang kecil pun boleh membawa perbezaan yang besar serta dapat memenuhi sasaran-sasaran penting dalam hidup seperti membeli rumah, merancang persaraan membuat peruntukan untuk pelaburan anak-anak dan menikmati kebebasan kewangan boleh dicapai melalui disiplin pelaburan secara konsisten secara bijaksana.

## Membina Portpolio Unit Amanah

Syarikat pengurusan dana amanah perlulah mencadangkan peruntukan aset dana bon dan dana ekuiti berdasarkan rekod pencapaian dan prestasi yang lalu. Apabila strategi portpolio dilakukan maka kajian semula perlulah dibuat bagi menentukan kemajuan portpolio tersebut.

## Perancangan Strategi Pelaburan

Perancangan pelaburan di dalam saham amanah perlulah mengambil kira pertimbangan-pertimbangan yang berikut iaitu:-

- i) Cuba dapatkan matlamat kewangan.
- ii) Kumpulkan segala sumber dana serta simpanan seperti nilai wang tunai, pengetahuan dan masa selaras dengan kehendak untuk mencerna pengumpulan harta dan kekayaan.
  - iii) Kita perlulah mengemblendkan segala wang tunai yang dimiliki.
  - iii) Buat keputusan untuk melabur serta jumlah yang terbabit.

## Peringkat Pelaburan

Ia berkaitan membahagikan jangkamasa pelaburan di antara 5 hingga 10 tahun. Jika kita membuat pelaburan untuk masa depan maka tumpukan pelaburan dalam jangkamasa melebihi 5 tahun hingga 10 tahun berbanding pelaburan jangka sederhana 3 hingga 4 tahun.

Pelabur hendaklah bersedia menanggung risiko demi mendapatkan pulangan yang tinggi. Pelabur dapat mengumpulkan kekayaan dalam jangka masa sederhana dan jangka panjang yang sesuai dengan matlamat kewangan seperti memenuhi pelan persaraan, pendidikan anak-anak, pelbagaian pelaburan sebagai kaedah pelaburan pelbagai aset kelas dan pelaburan, mencari alternatif terhadap simpanan tabungan di bank konvensional dan perbankan Islam, simpanan tetap, hartanah, dan lain-lain jenis pelaburan.

Pelabur perlulah mempunyai akses dan masa yang mencukupi untuk melakukan penyelidikan tentang pasaran. Sekiranya perlu, pelabur hendaklah mendapatkan khidmat nasihat daripada pengurus dana profesional bagi menguruskan bagi pihak mereka.

- i) Pelabur yang mencari pertumbuhan pelaburan modal jangka panjang.
- ii) Pelaburan bercorak sederhana hinggalah kepada yang berisiko tinggi.
- iii) Pelaburan jangkamasa sederhana (3 hingga 5 tahun) dan jangka panjang (melebihi 5 tahun).
- iv) Pelaburan di luar negara misalnya Pasaran Modal Asia dan Eropah.


Oleh FADILAH MANSUR





# PEMENANG

## Sayembara Penulisan PUISI & CERPEN Kepenggunaan



PERINGKAT KEBANGSAAN 2006  
SEMPENA HARI PENGGUNA MALAYSIA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) telah berjaya menganjurkan Sayembara Penulisan Puisi dan Cerpen Peringkat Kebangsaan bersempena dengan Hari Pengguna Malaysia 2006.

Sayembara ini diadakan sebagai wahana untuk para pengkarya khususnya pemuisi dan penulis cerpen untuk menukilkan karya berunsurkan kepenggunaan.

Berikut adalah senarai para pemenang Sayembara Penulisan Puisi dan Cerpen Kepenggunaan 2006 Peringkat Kebangsaan.

### KATEGORI PUISI

#### Hadiah Pertama

**Ahmad bin Sarju**

Shah Alam, Selangor

No. K/P: 421210 - 10 - 5843

Tajuk: Pemas Mesti Dihapuskan

#### Hadiah Kedua

**Norisham bin Kadmin**

Banting, Selangor

No. K/P: T 373869

Tajuk: Setangkai Hati Pengguna,  
Seikhlas Budi Peniaga

#### Hadiah Ketiga

**Sahrnizam bin Abdul Talib**

Bandar Bera, Pahang

No. K/P: 700615 - 06 - 5335

Tajuk: Pengguna Bijak Cekap Bertindak

### KATEGORI CERPEN

#### Hadiah Pertama

**Tuan Sharif Tuan Putera**

Kuala Terengganu, Terengganu

No. K/P: 430119 - 11 - 5033

Tajuk: Kedai Empat Pintu

#### Hadiah Kedua

**Suarnieza binti Mamat**

Balik Pulau, Pulau Pinang

No. K/P: 740503 - 03 - 5306

Tajuk: Kedai

#### Hadiah Ketiga

**Androd bin Sadian**

Kota Marudu, Sabah

No. K/P: 700313 - 12 - 5945

Tajuk: Kopi

#### Hadiah Penghargaan

1 **Abd. Rahim bin Omar**

Sungai Petani, Kedah

No. K/P: 591111 - 07 - 5417

Tajuk: Mentafsir Teladan

2 **Mardziah binti Abd. Rahim**

Serdang, Selangor

No. K/P: 851225 - 07 - 5536

Tajuk: Memungut Dari Saku Sejahtera

3 **Mohamad Taufek bin Mahamud**

Muar, Johor

No. K/P: 670702 - 01 - 6027

Tajuk: Jalinan Sejahtera

4 **Wahyu Budiwa Rendra bin A. Wahid**

Johor Bahru, Johor

No. K/P: 780917 - 01 - 6259

Tajuk: Kitalah Teras Penggerak  
Kesejahteraan Negara

5 **Zainal Abidin bin Suhaili**

Miri, Sarawak

No. K/P: 661219 - 13 - 5523

Tajuk: Dinding Dan Bumbung

#### Hadiah Penghargaan

1 **Osman bin Ayob**

Sungai Petani, Kedah

No. K/P: 510418 - 02 - 5257

Tajuk: Kemelut

2 **Fauziah binti Abd. Ralip**

Banting, Selangor

No. K/P: 631229 - 10 - 6366

Tajuk: Usaha Setulus Hati

3 **Syed Mahadzir bin Syed Ibrahim**

Banting, Selangor

No. K/P: 610122 - 02 - 5483

Tajuk: Seloka Gula Manis

4 **Puteri Nor Aznie Fahsyar**

Syed Mahadzir

Banting, Selangor

No. K/P: 841226 - 14 - 5226

Tajuk: Kuda Memperkuda

5 **Siti Suhana binti Mohd. Amir**

Kajang, Selangor

No. K/P: 780825 - 01 - 5080

Tajuk: Paradigma Metodos




# PANDUAN PENGGUNA

## CARA PENYAMBUNGAN KABEL TELEVISYEN

PERALATAN televisyen kini bukan sekadar untuk tontonan semata-mata. Dengan wujudnya penyiaran televisyen digital, LCD dan skrin plasma telah melupuskan penggunaan SRT TV. Gelombang baru teknologi juga telah melambakkan pengguna dengan pelbagai jargon seperti HDMI DVI, komponen video, S-Video dan Video Komposit.

Selain itu, set televisyen baru juga menggunakan sistem dan peranti yang berbeza untuk disambungkan dengan set televisyen, pemain DVD, VCR, Kamkorder, komputer peribadi, peralatan permainan dan sebagainya.

Berikut adalah beberapa panduan tentang cara penggunaan kabel televisyen dan perhubung yang biasa terdapat di pasaran.



### Video Komposit

Video Komposit (*Composite Video*) merupakan sistem standard terkini bagi televisyen yang menggunakan sistem isyarat analog. Biasanya format ini digunakan bagi sistem NTSC, PAL atau SECAM (sistem televisyen analog di negara-negara yang lain). Video komposit digunakan dua (bagi bunyi mono) atau tiga (bagi bunyi stereo) kabel. Isyarat tahap terang dan warna digabung dalam satu isyarat video (penyambung RCA berwarna kuning), dan saluran audio bagi mono atau stereo (penghubung RCA berwarna putih dan merah).



### Komponen Video

Komponen video adalah jenis maklumat video analog yang memindahkan atau menyimpan dua tau lebih isyarat yang berlainan. Berbeza dengan video komposit yang memisahkan gambar kepada isyarat tahap terang dan warna. Dengan itu membolehkan gambar yang lebih berkualiti. LCD dan skrin plasma yang dikeluarkan pada masa ini menggunakan penyambungan jenis ini. Namun begitu terdapat perbezaan bagi yang menggunakan DVI Digital dan antaramuka HDMI.



### HDMI

HDMI (Antaramuka Definisi Tinggi Multimedia) adalah penyambung bagi semua peranti digital untuk video dan bunyi dalam satu saluran kabel. Ia menyediakan antaramuka bagi mana-mana sumber audio/video yang serasi seperti pemain DVD, komputer peribadi atau sistem permainan video. Peranti ini menggantikan penyambung jenis SCART dan boleh menyalurkan isyarat Definisi Tinggi Televisyen.



### Penyambung RF

Penyambung RF digunakan hanya sebagai penyambung kepada televisyen. Untuk menyambungkan dengan pemain VCR atau DVD, gunakan adaptor RF.



### S-Video

S-video (*Video pemisah*) adalah isyarat video analog yang membawa data video sebagai dua isyarat berbeza (tahap terang dan warna). Ia tidak seperti video komposit yang menyalurkan keseluruhan isyarat dalam satu talian isyarat.



### SCART

SCART (*Syndicat francais des Constructeurs d'Appareils Radiorecepteurs et Televisieurs*) juga dikenali sebagai penyambung-EURO. Ia merupakan palam tunggal dengan penyambung 21-pin bagi video dan bunyi analog. Ia juga digunakan bagi S-Video, komponen video RGB, video komposit dan saluran audio.



### DVI

DVI (Antaramuka Visual Digital/*Digital Visual Interface*) merupakan penyambung definisi tinggi untuk video. Ia direkabentuk untuk memaksimumkan kualiti visual bagi peranti peraga digital dan bisa digunakan bagi skrin plasma dan LCD.